

**ARAHAN PROSEDUR TETAP
PERMOHONAN LESEN UNTUK MENJALANKAN AKTIVITI MENUNGGANG DAN
MENGEPUK HAIWAN BAGI PENGUATKUASAAN BAHAGIAN III AKTA
KEBAJIKAN HAIWAN 2015 DAN PERATURAN-PERATURAN KEBAJIKAN HAIWAN
(FI PELESENAN) 2021**

1. PENGENALAN

Menunggang dan mengepung haiwan adalah salah satu aktiviti yang perlu dillesenkan berdasarkan peruntukan Seksyen 15 Akta Kebajikan Haiwan 2015. Mengikut peruntukan tersebut, tidak seorang pun boleh menjalankan aktiviti yang melibatkan haiwan yang dinyatakan dalam Jadual melainkan jika dia memegang suatu lesen yang sah yang diberikan di bawah Akta ini.

Sehubungan dengan peruntukan tersebut, Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengambil pendekatan untuk menyediakan suatu Arahan Prosedur Tetap yang jelas kepada pemohon lesen yang menjalankan aktiviti menunggang dan mengepung haiwan (khusus kepada kuda) berhubung prosedur permohonan lesen, kategori aktiviti yang perlu memohon lesen serta tempoh permohonan lesen bagi permohonan baharu dan pembaharuan lesen.

Maka, Arahan Prosedur Tetap Permohonan Lesen untuk Menjalankan Aktiviti Menunggang dan Mengepung Haiwan ini boleh memberi panduan dan rujukan kepada semua pihak supaya arahan dan panduan dapat diberikan secara seragam di seluruh negara. Prosedur ini tertakluk kepada Akta Kebajikan Haiwan 2015, Peraturan-Peraturan Kebajikan Haiwan (Fi Pelesenan) 2021 dan keputusan dasar yang diluluskan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

2. OBJEKTIF

- 2.1 Menyediakan garis panduan untuk memohon lesen bagi menjalankan aktiviti menunggang dan mengepung haiwan.
- 2.2 Mengelakkan kekeliruan kepada orang ramai dan pemohon lesen mengenai prosedur permohonan lesen.
- 2.3 Memastikan arahan yang seragam diterima oleh semua pihak di seluruh negara.

3. SKOP

Arahan Prosedur Tetap Permohonan Lesen untuk Menjalankan Aktiviti Menunggang dan Mengepung Haiwan ini adalah merujuk kepada aktiviti melibatkan kuda. Ia merangkumi peruntukan di dalam Akta Kebajikan Haiwan 2015, Peraturan-Peraturan Kebajikan Haiwan (Fi Pelesenan) 2021, dasar kebajikan haiwan, keputusan dasar berhubung prosedur permohonan lesen dan keputusan dasar berhubung pelaksanaan penguatkuasaan pelesenan.

4. RUJUKAN

Rujukan bagi Arahan Prosedur Tetap ini adalah:

- 4.1 Akta Kebajikan Haiwan 2015.
- 4.2 Peraturan-Peraturan Kebajikan Haiwan (Fi Pelesenan) 2021.

- 4.3 Kod Amalan Kebajikan Haiwan – *Animal Welfare Code of Practice – Horse Riding and Spelling Activities.*

5. DEFINISI

5.1 Aktiviti menunggang dan mengepung haiwan

Mana-mana perkhidmatan yang melibatkan penjagaan, penyimpanan dan pengepungan kuda di dalam suatu kawasan khas di mana-mana premis untuk aktiviti menunggang.

5.2 Lembaga Kebajikan Haiwan

Suatu badan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Kebajikan Haiwan bagi tujuan mentadbir urus Akta Kebajikan Haiwan 2015.

5.3 Sistem MyAnimalWelfare

Suatu sistem dalam talian yang dibangunkan bagi tujuan pengurusan aduan, permohonan lesen, pemantauan yang berkaitan dengan kebajikan dan kezaliman haiwan serta promosi program-program kebajikan haiwan.

6. DASAR

Lembaga Kebajikan Haiwan telah memutuskan supaya aktiviti menunggang dan mengepung haiwan perlu dilesenkan seperti yang diperuntukkan di dalam Jadual Seksyen 15 Akta Kebajikan Haiwan 2015

dan bayaran fi lesen adalah mengikut Jadual di dalam Peraturan-Peraturan Kebajikan Haiwan (Fi Pelesenan) 2021. Pelaksanaan penguatkuasaan pelesenan adalah mengikut keputusan yang ditetapkan oleh ketetapan dasar Lembaga yang dipersetujui oleh Menteri.

7. KATEGORI AKTIVITI MENUNGGANG DAN MENGEPUK HAIWAN YANG PERLU DILESENKAN

Mana-mana pihak yang disenaraikan di bawah perlu memohon lesen:

- 7.1 Aktiviti yang dijalankan melibatkan haiwan jenis kuda;
- 7.2 Menyediakan perkhidmatan untuk mengepung dan menunggang kuda kepada orang ramai atau pihak lain bagi menjana pendapatan; dan
- 7.3 Aktiviti ini perlu dilesenkan walaupun bilangan haiwan yang terlibat adalah seekor selagi mana menepati ciri pada perenggan 7.1 dan 7.2.

Mana-mana pihak atau individu yang menjalankan aktiviti menunggang dan mengepung haiwan secara **persendirian** dan **tidak menyediakan perkhidmatan kepada pihak lain** tidak perlu dilesenkan kerana dikira/dianggap sebagai memelihara haiwan kesayangan.

8. KEPERLUAN PEMATUHAN KEPADA KEBAJIKAN HAIWAN

- 8.1 Semua pemohon lesen dan pemegang lesen bagi menjalankan aktiviti menunggang dan mengepung haiwan hendaklah

mematuhi peruntukan Seksyen 24 Akta Kebajikan Haiwan 2015 serta mengamalkan amalan kebajikan haiwan seperti yang ditetapkan di dalam '*Animal Welfare Code of Practice - Horse Riding and Spelling Activities*'.

- 8.2 Walau bagaimanapun, jika mana-mana orang menjalankan aktiviti ini secara persendirian dan tidak perlu dilesenkan, pihak ini masih wajib mematuhi keperluan kebajikan haiwan seperti yang ditetapkan di dalam Seksyen 24 Akta Kebajikan Haiwan 2015.

9. PROSEDUR PERMOHONAN LESEN

- 9.1 Mana-mana pihak yang menjalankan aktiviti menunggang dan mengepung haiwan seperti dalam perkara perkara 7.1 – 7.3 hendaklah membuat permohonan lesen bagi menjalankan aktiviti ini secara dalam talian melalui sistem MyAnimalWelfare: <https://awa.dvs.gov.my>.
- 9.2 Pemohon lesen adalah pengusaha premis/pemilik syarikat yang menjalankan aktiviti melibatkan haiwan.
- 9.3 Pemohon perlu mendapatkan lesen daripada pihak berkuasa tempatan terlebih dahulu sebelum memohon lesen di bawah Akta 772.
- 9.4 Bagi kawasan yang tidak dikawal selia oleh pihak berkuasa tempatan, pemohon perlu mendapatkan sokongan mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan di kawasan tersebut sebelum memohon lesen.

- 9.5 Pemohon lesen perlu mendaftar sebagai pengguna sistem dan mendaftarkan premis yang digunakan untuk menjalankan aktiviti.
- 9.6 Sekiranya mempunyai lebih dari satu premis untuk menjalankan aktiviti yang perlu dillesenkan, premis-premis lain perlu didaftarkan terlebih dahulu sebelum memohon lesen.
- 9.7 Pemohon perlu melengkapkan dan menghantar borang permohonan lesen di dalam sistem MyAnimalWelfare. Permohonan yang lengkap akan diproses untuk kelulusan.
- 9.8 Setelah diluluskan, pemohon akan dimaklumkan melalui sistem MyAnimalWelfare dan e-mel kepada pemohon untuk membuat pembayaran fi pengeluaran lesen/pembaharuan lesen.
- 9.9 Setelah pemohon membuat pembayaran, resit pembayaran perlu dikemukakan kepada urus setia pelesenan untuk cetakan lesen.
- 9.10 Lesen bagi menjalankan aktiviti melibatkan haiwan perlu dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis terbabit.
- 9.11 Carta alir bagi prosedur permohonan lesen adalah seperti di lampiran.

10. BAYARAN FI LESEN

- 10.1 Setelah permohonan lesen diluluskan, pemohon hendaklah membayar fi mengikut butiran berikut:
 - a. Pengeluaran lesen kali pertama – sebanyak RM100
 - b. Pembaharuan lesen – sebanyak RM50

10.2 Bayaran lesen boleh dibayar secara manual ke dalam akaun persekutuan di kaunter bayaran seperti yang dinyatakan di dalam inbois yang dijana oleh sistem.

10.3 Untuk pengeluaran lesen, resit bayaran perlu dikemukakan kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi pengeluaran lesen di tempat pembayaran dibuat.

11. TEMPOH LESEN

11.1 Tempoh lesen bagi permohonan kali pertama adalah ditetapkan selama setahun.

11.2 Tempoh pembaharuan lesen adalah ditetapkan selama 3 tahun.

11.3 Walau bagaimanapun, Lembaga Kebajikan Haiwan boleh menetapkan apa-apa tempoh sehingga 5 tahun atau lebih pendek selain daripada tempoh yang ditetapkan di 11.1 dan 11.2.

11.4 Tempoh lesen juga akan lebih pendek sekiranya:

- a. lesen digantung atau dibatalkan;
- b. pemegang lesen dihalang daripada memegang lesen; atau
- c. pemegang lesen hilang kelayakan seperti dinyatakan di bawah Seksyen 52 Akta Kebajikan Haiwan 2015.

12. PEMBAHARUAN LESEN

- 12.1 Untuk memperbaharui lesen, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan kepada Lembaga **tidak lewat** daripada **60 hari** sebelum tamat tempoh lesen.
- 12.2 Pemohon perlu membuat permohonan baharu sekiranya gagal mengemukakan permohonan pembaharuan lesen dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 12.1.

Dikemas kini: 1 Julai 2023

CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN DI BAWAH AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015 MELALUI SISTEM MYANIMALWELFARE



